

GST hanya dilaksana jika ambang gaji minimum RM3,000

PM akui sistem cukai paling telus perlu sedikit masa diguna kembali

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Petaling Jaya: Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) hanya akan dilaksanakan semula jika nilai ambang pendapatan meningkat kepada minimum RM3,000 hingga RM4,000.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata negara memerlukan sedikit masa sebelum melaksanakan sistem percukaian berkenaan.

Beliau mengakui GST sistem percukaian paling telus, efisien dan mampu menyumbang kepada pendapatan negara, namun hanya boleh dilaksanakan semula selepas nilai ambang pendapatan berjaya ditingkatkan.

"Kalau laksanakan GST sekarang, semua kena bayar, yang kaya dan yang miskin, ...saya tidak boleh (terima) ...berikan kita masa beberapa tahun lagi.

"Saya faham dan mengkaji sejak sedekad lalu GST sistem cukai paling efisien dan memberi kelebihan kepada kerajaan untuk mengutip pendapatan.

"Namun berikan kita masa untuk meningkatkan ekonomi terlebih dahulu dan nilai ambang pendapatan kepada RM3,000 atau RM4,000 minimum," katanya ketika berucap pada majlis Mesyuarat Agung Tahunan ke-78, Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM), semalam.

Penganalisis menjangkakan kerajaan tidak akan memperkenalkan cukai baharu dalam Belanjawan 2025 yang dibentangkan pada Jumaat ini.

Sejak Rang Undang-Undang GST dimansuhkan pada 2018, satu rang undang-undang cukai penggunaan baharu perlu dibentangkan di Parlimen dan mengambil masa sebelum pelaksanaannya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia dijangka menjadi perhatian dunia bermula akhir tahun ini, susulan tanggungjawab negara sebagai tuan rumah beberapa perhimpunan serantau penting.

Katanya, perkembangan itu bukan sahaja disebabkan kekuatan



Anwar berucap pada majlis Mesyuarat Agung Tahunan ke-78 ACCIM, di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Ahmad ukasyah/BH)

kerajaan ini, namun juga berikutan rasa hormat dan persahabatan dari negara luar.

"Kita bersahabat dengan semua, tiada negara boleh arah kita dan ini sebab masyarakat serta negara kita bersatu dan kita punya kerajaan yang kuat hari ini.

"Saya berjumpa Perdana Menteri India, Australia dan Kanada yang memberikan perhatian baik. Saya percaya akhir tahun ini dan tahun depan Malaysia akan jadi perhatian dunia," katanya.

Jumaat lalu, Malaysia menerima tugas Pengerusi ASEAN bagi 2025 daripada Laos.

Upacara simbolik serahan tugas kepada Malaysia yang bermula 1 Januari 2025 itu dibuat Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone kepada Anwar pada Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di Laos.

Malaysia jadi tumpuan dunia

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, Malaysia turut menjadi tumpuan antaranya melalui penganjuran Sidang Kemuncak GCC ASEAN + China pada Mei depan.

Melalui sidang kemuncak itu, katanya, ia membabitkan penyerahan enam negara iaitu Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

"Akhir tahun, kita ada pertemuan negara ASEAN dengan Amerika Syarikat (AS), China, Korea, Jepun, Eropah, India, New Zealand dan ini memberikan tumpuan kepada kita.

"Kita berdiplomasi, orang hormat negara kita, Malaysia harus tetapi utamanya adalah ekonomi,

perdagangan, pelaburan, perniagaan dan peluang bagi rakyat Malaysia dalam aspek itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mahu semua pihak khususnya industri termasuk ACCIM dan Dewan Perniagaan Malaysia memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan matlamat negara.

Selain itu, katanya, Malaysia menjadi destinasi pelaburan penting termasuk dari AS walaupun dunia tahu pendirian negara terhadap Gaza dan Palestin.

Katanya, Malaysia mahu terus 'berkawan' dengan semua dan bebas buat keputusan berdagang dengan mana-mana negara.

"Kita mengambil sikap terbuka, saya berjumpa Setiausaha Negara AS, Anthony Blinken (sebelum ini) melalui mesyuarat penting dan ucapkan terima kasih kerana pelaburan syarikat digital, kecerdasan buatan (AI) yang besar," katanya.

Mengenai isu menghapuskan tunggakan sukai dan denda RM83 juta Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Anwar berkata menjadi dasar kerajaan tidak mengenakan cukai bagi entiti berasaskan pendidikan bukan keuntungan.

Beliau berkata, namun kelewatan kelulusan pengecualian cukai itu dibuat kepada UTAR kerana universiti itu masih berada di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman (TAR) yang belum dipisahkan strukturnya antara urusan syarikat perniagaan komersial dan pendidikan.

Beliau berkata, pihaknya turut meminta Yayasan TAR memisahkan struktur operasinya antara urusan syarikat perniagaan komersial dan pendidikan.